

# Ibu bapa, pelajar gembira terima bantuan

Archival News | Utusan Malaysia | 15/12/2017

KUALA LUMPUR 14 Dis. □ Ibu bapa dan pelajar sekolah dalam kalangan kurang berkemampuan di Parlimen Lembah Pantai, di sini berkongsi kegembiraan apabila menerima bantuan awal persekolahan berupa beg sekolah dan baucar sebanyak RM100. Bantuan secara tahunan yang disumbangkan Yayasan Wilayah Persekutuan dan Barisan Nasional (BN) Lembah Pantai itu diagihkan untuk 1,000 pelajar sekolah rendah dan menengah dengan melibatkan peruntukan melebihi RM110,000.

Seorang ibu, Salina Mat Desa, 46, berkata, inisiatif tersebut sekurang-sekurangnya dapat membantu meringankan beban kewangan keluarga terutama dalam menyediakan kelengkapan untuk seorang daripada empat anaknya.

□Kos sara hidup sekarang semakin meningkat ditambah pula dengan kenaikan pelbagai harga barangan termasuk kelengkapan persekolahan.

□Oleh itu, sumbangan ini sedikit sebanyak melegakan kewangan ibu bapa dan selebihnya akan digunakan untuk perbelanjaan harian anak-anak,□ katanya ketika ditemui dalam program Ceria Ke Sekolah, di sini kelmarin.

Bagi pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya, Nuramira Huda Mohd. Ramli, 13, pula berkata, bantuan yang diterimanya buat kali kedua itu membantu meningkatkan lagi semangat dan keceriaan untuk kembali memulakan sesi baharu persekolahan.

□Ini merupakan rezeki ibu bapa dan anak-anak terutama dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah. Walaupun jumlahnya tidak banyak, sumbangan ini amat besar kepada para pelajar dan ibu bapa,□ katanya.

Sementara itu, Pengerusi BN Lembah Pantai, Datuk Seri Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, lebih RM2.5 juta diperuntukkan menerusi program Ceria Ke Sekolah bagi membantu kira-kira 17,000 pelajar kurang berkemampuan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Source By: Utusan Malaysia